



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 9
DAN SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT KEMENTERIAN**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**13 Oktober 2025 (Isnin)
9.00 pagi – 11.00 pagi
PADANG KPWKM/KPKT**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Madani,

Terima kasih kepada pengacara majlis

[Salutasi disediakan]

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita **memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT**, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh semangat dan harmoni ini.
2. Sesungguhnya, pertemuan seperti ini bukan sekadar rutin bulanan semata-mata, tetapi ruang untuk kita memperkukuh semangat kekitaan, menambah ilmu serta mengukuhkan tekad dalam melaksanakan Amanah yang dipertanggungjawabkan.
3. Saya ingin mengucapkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga KPWKM** yang terus menunjukkan komitmen tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab, sama ada di ibu pejabat, di negeri mahupun di lapangan.

4. Walau berdepan pelbagai cabaran, saudara dan saudari tetap tekun memastikan setiap dasar serta program kementerian sampai kepada golongan sasar.
5. **Perhimpunan bulanan ini** menjadi wadah penting bagi kita menyelaraskan tindakan, memperkukuh komunikasi serta menyuntik motivasi bersama agar setiap usaha yang digerakkan benar-benar memberi **impak langsung kepada rakyat**, khususnya golongan **wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya, dan kumpulan rentan**.

SOROTAN AKTIVITI KPWKM

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Izinkan saya menyoroti beberapa **pencapaian dan program utama** yang berlangsung sepanjang hujung September hingga awal Oktober 2025. Dalam tempoh sebulan ini sahaja, **KPWKM telah berjaya meraih empat (4) anugerah penting** yang membanggakan kita semua.
 - a. Pertama, **Anugerah Cemerlang dalam Penyertaan Inisiatif Pembaharuan Penyampaian Perkhidmatan Awam melalui Nilai-Nilai H.E.M.A.T.** Dua inisiatif utama yang menerima pengiktirafan ini ialah **Integrasi Sistem iSPEKS dan eBantuanJKM** oleh Bahagian Akaun KPWKM serta Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan **Pendigitalan Pembelajaran Kursus Bidang Kerja Sosial** oleh Institut Sosial Malaysia (ISM).

- b. Kedua, dalam **Penilaian Outcome Program/Projek JKPO 2024** oleh ICU JPM, KPWKM mencatatkan **markah cemerlang 92.4%**, dengan program seperti **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)**, **Program Kesejahteraan Remaja Kafeteen**, dan **Pusat Keluarga LPPKN Melaka** antara penyumbang utama kepada kejayaan ini.
 - c. Ketiga, KPWKM turut menerima **Lima Bintang dalam Sijil Penarafan Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) Tahun 2025**, iaitu pengiktirafan tertinggi dalam **Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam Kali Ke-29**.
 - d. Dan keempat, kita telah dianugerahkan **Penarafan PLATINUM Pengurusan Aduan Awam 2025** oleh **Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri (BPA, JPM)**. Penarafan ini diberikan berdasarkan julat markah 90 hingga 100 peratus, membuktikan bahawa pengurusan aduan awam di KPWKM adalah antara yang terbaik di peringkat nasional.
7. Pada **30 September 2025**, **Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)** telah menganjurkan **Forum Agenda Wanita Negara dan Pelancaran Buku “30 Tahun CEDAW Malaysia”**. Forum ini bertujuan memperkukuh kefahaman tentang **hak-hak wanita**, memperkasa peranan mereka dalam pembangunan negara serta meningkatkan kesedaran mengenai **kesaksamaan gender**. Pelancaran buku tersebut pula mendokumentasikan perjalanan tiga dekad Malaysia dalam menunaikan obligasi terhadap prinsip-prinsip **CEDAW** di peringkat antarabangsa.

8. Pada **5 Oktober 2025**, kita juga telah melancarkan **Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) 2026–2030** bersempena **Majlis Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan** di Klana Resort, Seremban. Pelan ini menandakan kesediaan Malaysia untuk **menangani isu penuaan penduduk secara sistematik dan berkesan** dalam jangka panjang. Sambutan Hari Warga Emas tahun ini diadakan dalam bentuk **karnival dua hari**, dengan penglibatan aktif ahli **PAWE dari seluruh negara** yang menjayakan program dengan penuh semangat.
9. Tidak ketinggalan, semalam kita baru sahaja menjayakan **Program Kasih Fun Run dan Pelancaran Kempen “Awak OK Tak?”** bersempena **Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025**. Program hasil kerjasama **YKN dan UKK** ini diadakan dengan konsep riadah yang santai dan inovatif bagi menyebarkan **kesedaran tentang kesejahteraan emosi dan mental** dalam kalangan masyarakat. Kempen ini mengajak kita semua untuk **saling peduli dan peka terhadap kesejahteraan emosi rakan-rakan serta komuniti di sekeliling kita**.
10. Selain itu, Malaysia telah menghantar delegasi ke **ASEAN Workshop on Children Who Shape Tomorrow: Leading the Way to ASEAN Community Vision 2045** di Bangkok, Thailand. Melalui program ini, kanak-kanak dari Malaysia berpeluang **berinteraksi dan berkongsi pandangan bersama wakil ASEAN lain**, termasuk Timor Leste, ke arah pembentukan **ASEAN Community Vision 2045**.

11. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada **JKM** atas kejayaan **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak** yang mencatat **pencapaian 109%**, melebihi sasaran 300 sekolah dengan penyertaan **327 buah sekolah dan 30 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)** di seluruh negara.
12. Pada **29 September 2025**, YB Menteri telah menjadi panelis dalam **Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025** yang dirasmikan oleh **YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Anwar Ibrahim**. Dalam sesi tersebut, YB Menteri telah menegaskan bahawa **usaha memperkukuh ekonomi penjagaan bukan sahaja tentang kesaksamaan gender, tetapi membina masyarakat yang berperikemanusiaan, berdaya tahan dan inklusif**.
13. Seterusnya, pada **22 hingga 23 September**, kita telah melaksanakan **Mock Session Dialog Konstruktif Laporan Berkala CRC** bersama **UNICEF** dan **OHCHR** sebagai persiapan Malaysia menghadapi sesi dialog rasmi dengan **Jawatankuasa CRC Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu**. Manakala pada **26 September**, berlangsung **Sesi Libat Urus Cadangan Penstrukturan Semula dan Pengukuhan Perjawatan KPWKM Fasa Kedua 2025** bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran serta pengurusan sumber manusia di kementerian.

14. Banyak lagi aktiviti penting turut dijalankan termasuk:-
 - a. **Bengkel Pembangunan Pelan Tindakan OKU 2026–2030;**
 - b. **Mesyuarat Pemurnian Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara 2026–2030;**
 - c. **Seminar PDK Zon Sarawak 2025;**
 - d. **Negotiation Course for Junior Officers;**
 - e. **Program Bicara Tokoh Alumni UiTM;**
 - f. **Webinar Keselamatan Kanak-Kanak (ABBA); dan**
 - g. **SEA Women's Leadership Conference: Women, Peace & Security.**
15. Semua ini membuktikan bahawa **KPWKM terus berperanan aktif sebagai kementerian yang bertunjangkan perlindungan, kebajikan dan pembangunan sosial masyarakat.**

HARI CUCI MALAYSIA (HCM)

Sidang hadirin yang saya hormati,

16. Untuk makluman semua, **Jemaah Menteri pada 7 Februari 2025** telah bersetuju menetapkan **hari Sabtu terakhir bulan September setiap tahun sebagai Hari Cuci Malaysia (HCM).**
17. HCM diterajui oleh **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** selaras dengan **inisiatif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)** yang menetapkan **20 September sebagai Hari Pembersihan Sedunia (World Clean-Up Day)** bagi menangani isu pencemaran sisa.

18. Di peringkat KPWKM, kita menyahut usaha baik ini melalui pelaksanaan **Dress Down Day KPWKM** yang dijalankan setiap **Jumaat minggu keempat** dan dijadikan sebagai **Hari Cuci KPWKM** untuk memupuk **budaya kebersihan dan tanggungjawab bersama di tempat kerja.**

HARI SUKAN NEGARA (HSN) 2025

19. Pada pagi ini juga, kita turut **merasmikan Hari Sukan Negara 2025 peringkat Kementerian.** HSN merupakan inisiatif penting kerajaan dalam merealisasikan hasrat menjadikan rakyat Malaysia **sentiasa bersukan dan menjadikan aktiviti sukan sebagai budaya hidup.**
20. Melalui sambutan ini, kita bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif, tetapi juga **mengukuhkan perpaduan dan hubungan silaturahim antara masyarakat pelbagai kaum dan agama.**
21. Tema pada tahun ini ialah “**Malaysia Aktif**” di bawah kerangka **Malaysia MADANI**, yang mengajak kita semua untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas tanpa mengira usia atau kemampuan. Sesungguhnya, **kesihatan fizikal, kesejahteraan mental dan hubungan sosial** akan lebih erat apabila kita aktif bersama-sama.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

22. Akhir kata, saya ingin **menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga KPWKM** atas dedikasi dan kerja keras yang telah ditunjukkan. Saya amat yakin bahawa dengan **semangat berpasukan, keikhlasan dan ketabahan**, kita akan terus membawa **KPWKM ke hadapan** demi memastikan kesejahteraan rakyat terus terbela.
23. Dengan penuh rasa syukur dan semangat kebersamaan, saya dengan ini **merasmikan Perhimpunan Bulanan KPWKM dan Sambutan Hari Sukan Negara 2025 Peringkat Kementerian**.

Sekian, **Wabillahitaufiq walhidayah,**
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
13 Oktober 2025